

dan ia merupakan salah sebuah anak syarikat di bawah Organisasi Sun (Sun Organization). Urusan perniagaan tertumpu kepada pemasaran industri tayar celup bagi memenuhi permintaan pasaran tayar celup di bahagian Malaysia Timur. Setiap tayar celup yang dihasilkan dapat menampung permintaan membabitkan kenderaan komersial, kontena, trak berat dan bas.

Di samping penggunaan tayar celup mampu mengurangkan kos operasi kenderaan komersial dan sebagainya, ia juga mengurangkan pelupusan tayar terpakai serta menjimatkan penggunaan sumber asli dan tenaga. Ini merupakan satu langkah proaktif ke arah mencapai persekitaran yang baik.

Pengarah Syarikat yang juga Pengerusi Kumpulan, MS Loh ialah pengasas Organisasi Sun yang telah bekerja keras untuk memelopori peluang perniagaan di Malaysia Timur sejak 1957 lagi. Beliau telah membuat

GRM mampu menghasilkan lebih kurang 3,000 tayar sebulan dan sehingga kini jumlah pengeluarannya meningkat mendadak kepada 7,000 sebulan bagi menampung permintaan yang semakin tinggi.

kajian berkenaan peluang pasaran tayar celup di Malaysia Timur dan mendapati di bahagian tersebut menghadapi masalah kekurangan bekalan untuk tayar celup akibat jumlah permintaan yang tinggi.

GRM mampu menghasilkan lebih kurang 3,000 tayar sebulan dan sehingga kini jumlah pengeluarannya meningkat mendadak kepada 7,000 sebulan bagi menampung permintaan yang semakin tinggi. Kesemua bingkai tayar yang digunakan dalam memproses tayar celup diimport dari negara Jepun, Taiwan dan beberapa buah negara lagi.

Dengan dijana oleh 60 orang pekerja dan pelaksanaan dua shif waktu bekerja, menyaksikan GRM mampu mencapai targetnya memenuhi setiap permintaan pasaran tayar celup khususnya di negeri Sabah dan Sarawak.

Syarikat itu juga telah dianugerahkan MS 224:2005 pada tahun ini hasil daripada pengawalan kualiti bersepadu pada produk bagi menjamin ketahanan dan keselamatan yang terdapat pada tayar celup yang dihasilkan serta dibantu oleh maklum balas serta kepuasan hati pelanggan terhadap kualiti produk.. Kini, GRM sedang dalam usaha bekerja keras ke arah mendapatkan persijilan ISO.

MS 224: 2005 merupakan standard yang digunakan bagi jenis tayar celup. Standard MS 224: 2005 merupakan kriteria kualiti yang diktiraf oleh kerajaan bagi tayar celup untuk memastikan keselamatan dan jaminan untuk semua kenderaan komersial di jalan raya.

Selain tanda asal yang terdapat pada dinding tayar seperti had kelajuan, saiz lebar dan had muatan, tayar celup yang siap diproses juga akan diletakkan empat tanda iaitu tanda MS, tarikh tayar celup dibina, nombor siri dan jenama tayar.

GRM berkembang menjadi semakin kompetitif khusus dalam segmen pasaran tayar celup melalui pengaplikasian strategi pemasaran yang sistematik dan juga penggunaan teknologi berinovasi dalam memproses tayar celup. Dengan itu, GRM kini sedang mengorak langkah untuk menjadi salah sebuah pembuat tayar celup utama di bahagian Malaysia Timur.

Selain tanda asal yang terdapat pada dinding tayar seperti had kelajuan, saiz lebar dan had muatan, tayar celup yang siap diproses juga akan diletakkan empat tanda iaitu tanda MS, tarikh tayar celup dibina, nombor siri dan jenama tayar.



Tayar celup akan dimasukkan ke dalam satu mesin khas bagi melengkapkan proses pembuatannya.



Tayar celup perlulah menjalani proses pemeriksaan yang teliti agar kerosakan atau kecatatan pada dinding tayar dapat dikesan.



Salah seorang pekerja sedang memperbaiki permukaan tayar yang akan dicelup.